

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7659961 (Talian Terus)
06 - 7659962 (Talian Terus)

No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (5)
Tarikh : 14 Disember 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (INVOIS TANPA PK) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan surat MOF.BPK(S) 600-14/28/2 (6) bertarikh 25 November 2022 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, Pentadbiran ini telah meneliti dan membuat semakan terhadap surat edaran daripada Kementerian Kewangan Malaysia berhubung penambahbaikan proses kelulusan bagi permohonan melalui invois tanpa Pesanan Kerajaan dalam perolehan Kerajaan.
3. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini memutuskan untuk **TIDAK MENERIMAPAKAI** surat edaran tersebut di mana pengeluaran Pesanan Kerajaan adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan / Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

SENARAI EDARAN

1. YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus
2. Mufti Negeri
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
3. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Sembilan Darul Khusus
4. Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus
5. Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus
6. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Sembilan Darul Khusus
7. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Sembilan Darul Khusus
8. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Desa
Negeri Sembilan Darul Khusus
9. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
10. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
11. Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat DYMM, Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
12. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Sembilan Darul Khusus
13. Ketua Pendakwa Syariah
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
14. Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat Menteri Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
15. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan Darul Khusus
16. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
17. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
18. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol
Negeri Sembilan Darul Khusus
19. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus
20. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus
21. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus
22. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu
Negeri Sembilan Darul Khusus
23. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil & Tanah Gemas
Negeri Sembilan Darul Khusus
24. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
25. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus
26. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Jempol
Negeri Sembilan Darul Khusus
27. Yang DiPertua
Majlis Daerah Kuala Pilah
Negeri Sembilan Darul Khusus
28. Yang DiPertua
Majlis Daerah Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus

29. Yang DiPertua
Majlis Daerah Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus
30. Yang DiPertua
Majlis Daerah Jelebu
Negeri Sembilan Darul Khusus
31. Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
32. Pengarah
Yayasan Negeri Sembilan
Negeri Sembilan Darul Khusus
33. Pengerusi
Majlis Agama Islam
Negeri Sembilan Darul Khusus
34. Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus
35. Pengarah
Lembaga Muzium Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus
36. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Negeri Sembilan
Negeri Sembilan Darul Khusus



Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6)
Tarikh : 25 November 2022

SENARAI SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato',

PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (INVOIS TANPA PK) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato' mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato' sedia maklum, peraturan semasa menetapkan Pesanan Kerajaan (PK) hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diperolehi daripada pembekal dan pembayaran hanya boleh dibuat bagi bekalan/perkhidmatan yang telah dikeluarkan PK terlebih dahulu sahaja. Selain itu, semua urusan perolehan bekalan/perkhidmatan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui sistem ePerolehan termasuk pengeluaran PK, penerimaan invois dan pembayaran. Sebarang pengecualian daripada penggunaan sistem ePerolehan dan pengeluaran PK hendaklah mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

3. Namun, MoF telah menerima banyak permohonan bagi pembayaran melalui Invois Tanpa PK daripada agensi atas pelbagai justifikasi antaranya seperti berikut:

- (i) Pegawai proses terlepas pandang untuk mengeluarkan PK terlebih dahulu sebelum pembekalan/perkhidmatan diberikan atau sebelum tempoh kontrak tamat;
- (ii) Perolehan dilaksanakan tanpa peruntukan yang tersedia/ditarik balik menyebabkan PK tidak boleh dikeluarkan;
- (iii) Pelaksanaan perolehan secara ad-hoc menyebabkan PK tidak sempat dikeluarkan sebelum pembekalan/perkhidmatan diberikan;

- (iv) Kontrak tidak dapat ditandatangani disebabkan tidak mencapai persetujuan bersama terhadap terma kontrak (maklumat pemenuhan dalam sistem ePerolehan) menyebabkan PK tidak dapat dikeluarkan; dan
- (v) Pengeluaran PK tidak dibuat pada akhir tahun sebelum proses penutupan akaun pada akhir tahun.

4. Sehubungan itu, selaras dengan prinsip *Let Managers Manage* dan bagi menyegerakan urusan pembayaran kepada pembekal agar tidak memberi kesan kepada aliran tunai syarikat serta mengelakkan pembayaran terpaksa dibuat berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 58 dan AP 59, MoF telah bersetuju agar kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan pembayaran melalui Invois Tanpa PK diturunkan kepada Pegawai Pengawal berdasarkan syarat seperti berikut:

- (i) Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK bernilai kumulatif sehingga RM1 juta (tanpa had bilangan invois) bagi setiap satu kontrak/perolehan;
- (ii) Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK bagi tahun semasa dan setahun sebelum sahaja (contoh: tahun semasa – 2022, setahun sebelum – 2021);
- (iii) Permohonan yang tidak memenuhi syarat di perenggan 4(i) dan 4(ii) hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan MoF berdasarkan tatacara sedia ada; dan
- (iv) Agensi hendaklah memastikan fi perkhidmatan ePerolehan dikenakan bagi setiap transaksi melalui sistem iGFMAS berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

5. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tanggungjawab sepenuhnya atas kelulusan yang diberikan dan melaksanakan mekanisme pemantauan seperti berikut:

- (i) Merekodkan kelulusan yang diberikan melalui sistem eGPA di bawah Modul Merekod Permohonan – Pengecualian Khas – Pengecualian Kepada Pekeliling Perolehan – Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan;
- (ii) Pelaporan dalam Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) selaras pelaporan prestasi pembayaran (AP103); dan
- (iii) Pengauditan berterusan oleh Unit Audit Dalam Agensi.

6. Pegawai Pengawal juga hendaklah mengambil tindakan dan langkah sewajarnya berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa termasuk mewujudkan garis panduan khusus dan tindakan berdasarkan peraturan tatatertib bagi mengelakkan isu PK tidak dapat dikeluarkan sebelum pembekalan/perkhidmatan diperoleh.

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato' dalam memastikan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti dalam proses perolehan perolehan Kerajaan dapat dipertingkatkan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)